

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 18.10.2016

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada akaun 1MDB akan diaudit semula setelah Deloitte Malaysia menarik balik pengesahan kepada Laporan Audit 1MDB untuk tahun Mac 2013 dan 2014. Bilakah 1MDB akan mengemukakan Laporan Audit untuk tahun Mac 2015 dan 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Lembaga Pengarah 1MDB yakin bahawa tiada kesalahan telah dilakukan oleh 1MDB dan Penyata Kewangan 1MDB yang telah diaudit

sebelum ini adalah benar dan telus mengikut hal ehwal syarikat pada masa tersebut.

1MDB komited untuk mendapatkan juruaudit baharu bagi menggantikan Deloitte yang sebelum ini telah menyatakan hasrat untuk meletakkan jawatan pada 26 Februari 2016. Walau bagaimanapun, sehingga juruaudit baharu dilantik, Deloitte masih kekal sebagai juruaudit 1MDB.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah memberikan lanjutan masa sehingga 31 Mac 2017 kepada 1MDB untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan dan meluluskan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2015 dan 31 Mac 2016.